



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

16 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)

Bina Kandang Tinggi Untuk Ternakan Elak Banjir

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan	Dalam Negeri	34	16 Nov

Bina kandang tinggi untuk ternakan elak banjir

Oleh **ROHANA ISMAIL**
utusannews@mediamulia.com.my

PASIR MAS: Penternak di kawasan rendah dan sering berdepan dengan banjir sudah membuat persiapan awal untuk berdepan dengan Monsun Timur Laut (MTL) yang dijangka berlaku tidak lama lagi.

Tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati rata-rata penternak sudah membuat persiapan awal bagi mengelakkan mereka berdepan masalah sebaik sahaja banjir melanda.


Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, pemiliknya, Rosdan Ismail, 46, berkata, dia membina kandang setinggi empat meter bagi mengelakkan ia ditenggelami banjir.

"Asalnya untuk bina bilik tidur tetapi memikirkan kawasan ini sering ditenggelami banjir, saya jadikan ia kandang lembu.

"Apabila air naik, lembu dipindahkan di dalam kandang ini yang boleh memuatkan 10 ekor lembu," katanya ditemui di Kampung Serongga di sini semalam.

Rosdan memberitahu, tindakan membina kandang berdekatan rumah bertujuan mengelakkan kejadian lembu dicuri semasa banjir berlaku.

"Macam-macam boleh berlaku musini banjir nanti, lembu



ROSNANI Ibrahim menunjukkan kandang lembu yang dibina suaminya bersebelahan dengan rumah di Kampung Serongga, Pasir Mas, Kelantan. - **UTUSAN/ROHANA ISMAIL**

kena curi, lembu mati dihanyutkan banjir apabila tidak sempat dipindahkan.

"Jadi saya buat persiapan awal dengan membuat kandang tinggi seperti ini," ujarnya.

Menurutnya, sekiranya banjir besar berlaku dia akan me-

mikirkan alternatif lain dengan membawa lembu-lembu tersebut ke kawasan tinggi.

Katanya, pengalaman tahun lepas menghadapi banjir besar menyebabkan dia sekeluarga trauma.

"Air naik hampir mencecah

bumbung rumah, nasib baik banjir tahun lepas saya sempat membawa lembu pindah ke tempat tinggi.

"Kami sekeluarga pula terpaksa berpindah di pusat pemindahan banjir (PPS)," katanya.

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Negeri	26	16 Nov

Lepas curi, sempat sembelih 9 kambing

Ternakan kambing jenis boer jadi sasaran setiap kali perayaan

Oleh ZULHISHAM ISAHAK
KULAI

Seorang penternak di Kampung Melayu, Seelong Selatan, Senai di sini rugi kira-kira RM10,000 selepas sembilan ekor kambingnya dicuri pada Jumaat.

Noor Akma Walid, 40, berkata, kejadian tersebut disedari pekerjaanya pada awal pagi selepas mendapati seekor kambing berada di luar kandang.

"Apabila meninjau di sekitar kawasan kandang kambing, sembilan ekor kambing sudah tiada dan pekerja saya juga mendapati terdapat kesan darah.

"Semasa kiraan dilakukan semuanya 10 ekor kambing telah terlepas. Pencuri berkecimpung me-



Kesan darah di kawasan kandang kambing.



Kandang kambing milik Noor Akma sering menjadi sasaran pencuri setiap kali menjelang perayaan.

nyembelih sembilan ekor kambing di kawasan kandang itu.

"Saya kemudian membuat laporan di Balai Polis Kulai pada hari yang sama," katanya ketika dihubungi pada Rabu.

Noor Akma yang menjual kambing jenis boer percaya kejadian tersebut berlaku pada awal pagi.

Beliau percaya kambingnya menjadi sasaran pencuri sempena sambutan Deepavali ke-

rana kejadian sama berulang setiap kali perayaan tersebut. "Saya anggap kejadian ini adalah sebagai ujian daripada ALLAH selepas hampir 12 tahun berkecimpung dalam bidang ini.

"Saya juga berharap kejadian ini tidak berulang dan akan mempertingkatkan ciri-ciri keselamatan di kawasan ini," katanya.

Beliau juga berharap polis dapat mengesan suspek kerana sekiranya berulang boleh mengakibatkan penternak terpaksa gulung tikar.



Agrobank Komited Bantu Pelanggan Terjejas Banjir

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
KOSMO!	Ekonomi	Online	16 Nov



Zulhisham (empat dari kanan) bersama pemenang Kempen Deposit Bonanza yang berakhir 30 Mac lalu.

KUALA LUMPUR – Agrobank komited untuk membantu pelanggannya terutamanya daripada kumpulan terlibat dalam industri pertanian dan keterjaminan makanan yang berisiko terjejas akibat musim tengkujuh menjelang akhir tahun ini.

Ketua Bahagian Perbankan Pelanggan Agrobank, Zulhisham Zailan berkata, antara bantuan yang sentiasa disediakan pihaknya adalah penstrukturan semula bayaran pembiayaan bagi pelanggan yang pendapatannya terjejas akibat banjir.

“Pasukan CSR (tanggungjawab sosial korporat) kami sememangnya tersedia dan dekat dengan pelanggan, sekiranya berlaku sebarang bencana kami akan terus berhubung dengan pelanggan terjejas untuk menawarkan bantuan terutamanya dari segi mengurangkan jumlah bayaran balik.

“Kami sentiasa ada bajet untuk membantu pelanggan yang terlibat dengan bencana,” katanya pada majlis pelancaran Kempen

Mega Million di sini, semalam.

Kempen berkenaan, yang bertujuan meraikan dan menghargai pelanggan sedia ada serta pelanggan baharu Agrobank dengan menyediakan hadiah menarik menyasarkan pertumbuhan deposit berjumlah RM200 juta.

Selain hadiah wang tunai berjumlah RM2 juta, pelanggan Agrobank turut berpeluang memenangi kereta elektrik Tesla Model Y dan BYD Dolphin menerusi kempen berkenaan, yang berakhir pada 30 September 2024.

Sementara itu, Zulhisham berkata, mandat utama Agrobank adalah membantu keterjaminan makanan dan deposit yang dijana akan dimanfaatkan sebaiknya untuk membantu golongan petani, nelayan dan penternak. – [KOSMO! ONLINE](#)

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR